



PERINTAH ULUNG PANGLIMA TENTERA DARAT KE-27
DATARAN PANGLIMA TENTERA DARAT
5 SEPTEMBER 2018

BISMILLAHİ RAHMANİ RAHİM,

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA,

ALHAMDULILLAHİ RABBUL ALAMİN. WASSALATUWASSALA SAYİDINA MUHAMMAD, WAALA-ALİHI WASSABBIHI AJMAIN.

DATO'-DATO', SAUDARA SAUDARI SERTA HADIRIN SEKALIAN,

TERIMA KASIH KERANA HADIR DALAM ACARA RASMI, ACARA REGIMENTAL PERUTUSAN PERINTAH ULUNG PANGLIMA TENTERA DARAT PADA PAGI INI. DENGAN IZIN ALLAH SUBHANAHU WATAALA JUA, DENGAN RASMINYA SAYA TELAH DILANTIK SEBAGAI PANGLIMA TENTERA DARAT YANG KE-27.

JAWATAN YANG DIAMANAHKAN INI, BAGAIKAN MIMPI MENJADI KENYATAAN. DENGAN RENDAH DIRI, SAYA ZAHIRKAN RASA KESYUKURAN SERTA REDA DENGAN KETENTUAN ALLAH SUBHANAHU WATAALA, TUHAN YANG MENGUJI KESABARAN DAN MERENCANAKAN CABARAN KEHIDUPAN HAMBА-HAMBANYA. MAHA SUCI ALLAH YANG MAHA MENGETAHUI RAHSIA DAN HIKMAH DI SEBALIK SETIAP PERISTIWA YANG BERLAKU DI ALAM SEMESTA INI.

2. SAYA MENJUNJUNG KASIH SETINGGI-TINGGINYA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG ATAS LIMPAH PERKENAN RESTU BAGINDA KE ATAS PELANTIKAN SAYA. IKRAR TAAT SETIA SAYA LAFAZ KEPADA SERI PADUKA BAGINDA SELAKU PEMERINTAH TERTINGGI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA.

3. SEBAGAI KAKI TANGAN KERAJAAN, SAYA TURUT MERAKAMKAN UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN MALAYSIA, KHUSUSNYA KEPADA YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI, YANG BERHORMAT MENTERI PERTAHANAN DAN YANG BERBAHAGIA PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KERANA MERESTUI PELANTIKAN BERSEJARAH DAN PENUH BERMAKNA INI.

4. UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN DIPANJANGKAN KEPADA STAF-STAF MARKAS TENTERA DARAT, KERJASAMA BERTERUSAN TANPA MENGIRA MASA MEMBOLEHKAN SAYA BERDIRI DI HADAPAN PERBARISAN SEBAGAI PANGLIMA TENTERA DARAT. TIDAK LENGKAP, JIKA SAYA TIDAK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA MEREKA YANG TELAH MENDOAKAN, KEPADA MEREKA YANG TELAH MEMBERIKAN KATA-KATA SEMANGAT DAN INSPIRASI UNTUK SAYA TERUS BERKHIDMAT. SAYA AMAT MENGHARGAINYA.

5. INGIN SAYA RAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERBAHAGIA JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIPLE BIN HJ KASSIM, PANGLIMA TENTERA DARAT YANG KE 26 YANG TELAH MEMBAWA TENTERA DARAT KE TAHAP KEBERADAAN KITA SEKARANG. HANYA ALLAH YANG MENILAI DAN MEMBALASNYA.

DATO'-DATO' DAN SAUDARA SAUDARI SEKALIAN,

6. DALAM USIA 85 TAHUN TENTERA DARAT TELAH MENYAKSIKAN SEJUMLAH 27 KALI PERTUKARAN KEPIMPINANNYA NAMUN TANGGUNGJAWAB UTAMA TENTERA DARAT MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA TIDAK PERNAH BERUBAH. SATU TANGGUNGJAWAB

YANG AMAT MULIA DI SISI AGAMA DAN MASYARAKAT. TANPA PERKHIDMATAN ANGKATAN TENTERA KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA PASTI AKAN TERANCAM. PADA HAKIKATNYA RAKYAT DAN NEGARA MEMERLUKAN KHIDMAT BAKTI KITA. INI MERUPAKAN SATU PENGIKTIRAFAN TERHADAP KEMAMPUAN KITA SEBAGAI INDIVIDU DAN ORGANISASI. MENYEDARI KITA ADALAH ELEMEN PENTING MENENTUKAN KEMAKMURAN DAN KEAMANAN NEGARA, WAJARLAH INI DIJADIKAN PENCETUS SEMANGAT UNTUK KITA TERUS MENABUR BAKTI DEMI KESEJAHTERAAN DAN KEDAULATAN NEGARA TANPA MENGHARAP PUJIAN DAN PENGHARGAAN.

7. KINI GILIRAN SAYA MENERAJUI TENTERA DARAT DAN SAYA BERIKRAR DAN BERJANJI AKAN MELAKSANAKAN AMANAH SELARI DENGAN WEWENANG YANG DIBERI DENGAN PENUH DEDIKASI DAN KOMITED DENGAN APA JUA TUGASAN SELAGI TIDAK MELANGGAR PERATURAN DAN HUKUM SYARAK. SELAGI TIDAK MENKHIANATI SUMPAAH TAAT SETIA KEPADA RAJA DAN NEGARA DAN SELAGI TIDAK BERCCANGGAH DENGAN IKRAR KESATERIA. KEPADA ALLAH SAYA BERDOA DAN BERSERAH MEMBERI KEKUATAN DAN KEBIJAKSANAAN SUPAYA EMOSI DAN NAFSU TIDAK MEMPENGARUHI KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG BAKAL SAYA BUAT DEMI NEGARA, DEMI TENTERA DARAT. TUGAS MEMIKUL AMANAH INI MUSTAHIL DAPAT SAYA DILAKSANAKAN TANPA KERJASAMA DAN SOKONGAN DATO'-DATO' DAN RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN YANG SAYA KASIHI SEKALIAN.

8. SAYA MENGAJAK KITA UNTUK MENGIMBAS PERINTAH ULUNG PANGLIMA ANGKATAN TENTERA YANG MENEKANKAN KEPADA EMPAT TONGGAK UTAMA IAITU:

PERTAMA, **ANGKATAN YANG PROFESIONAL.**

KEDUA, **KETUMBUKAN YANG SIAP SIAGA.**

KETIGA, **KEUTUHAN ORGANISASI.**

KEEMPAT, **MEMPERKASAKAN KUALITI HIDUP.**

9. SAYA TELAH MEMBUAT PERKIRAAN KEADAAN DENGAN MATLAMAT UTAMA MEMENUHI HASRAT PANGLIMA ANGKATAN TENTERA DIKUTI DENGAN MATLAMAT KEDUA MENGEKAL DAN MENINGKATKAN STATUS SIAGA TENTERA DARAT. MENGAMBIL KIRA KEADAAN SEMASA DAN CABARAN CABARANNYA, BEBERAPA PENDEKATAN TELAH DIKAJI DAN SAYA TELAH MEMUTUSKAN PENDEKATAN TERBAIK YANG MAMPU KITA CAPAI. DEMI MEMUDAHKAN KEFAHAMAN DAN PERLAKSANAAN, SAYA TELAH RANGKUMKAN PENDEKATAN TERSEBUT MENJADI SINGKATAN **ASAS**.

A- BERMAKSUD -AMAL

S- BERMAKSUD -SISTEM PEMERINTAHAN REGIMENTAL

A-BERMAKSUD -ADAPTASI

S- BERMAKSUD - SIAP SIAGA

10. SINGKATAN A, **BERMAKSUD AMAL**. MEMASUKI PERKHIDMATAN TENTERA MENJADI SATU KEBANGGAAN BAGI KITA SEMUA YANG TERPILIH DAN LULUS DALAM SEMUA UJIANNYA. RAMAI YANG INGIN MENYERTAI TENTERA TETAPI TIDAK BERJAYA. TIDAK KETERLALUAN JIKA SAYA NYATAKAN KITA ADALAH KALANGAN RAKYAT YANG ISTIMEWA YANG TERPILIH DIBERI KEPERCAYAAN DAN TANGGUNGJAWAB MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA. JELAS BUKAN SEMUA RAKYAT MAMPU MELAKSANAKAN TUGAS MURNI INI. TUGAS YANG MEMERLUKAN PENGORBANAN DI MANA DARI AWAL LAGI KITA TELAH MENGORBANKAN TATACARA KEHIDUPAN DAN KESELESAAN SEBAGAI ORANG AWAM.

11. KITA DILATIH UNTUK MENJADI ANGGOTA TENTERA, DIBERI ILMU PENGETAHUAN DAN KEPAKARAN DALAM BIDANG KETENTERAAN MALAH DIBAYAR UPAH UNTUK MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB KITA SAMA ADA SEMASA AMAN MAHUPUN KEKACAUAN. TIADA SIAPA YANG DAPAT RAMALKAN BILA DAN DI MANA PERKHIDMATAN KITA DIPERLUKAN. APA YANG DITAGIH ADALAH AGAR KITA PERLU KEKAL BERSEEDIA, KEKAL CERDAS, DAN KEKAL CERGAS DAN MENGAMALKAN ETIKA KERJA TENTERA.

12. SELAIN DARI DILATIH, ELEMEN PENTING YANG MENJADI PENAMBAT SEMANGAT DAN AKUR JANJI PENGORBANAN KITA ADALAH IKRAR KESATERIA. IKRAR KESATERIA IBARAT ROH YANG BERPERANAN MEMBIMBING TINDAK TANDUK KITA DAN JUGA MERUPAKAN PENDUKUNG KECEMERLANGAN KEPERIBADIAN WARGA TENTERA DARAT.

13. IKRAR KESATERIA BUKANNYA HANYA SEKADAR DILAFAZKAN DI BIBIR. SETIAP BARIS IKRAR MEMPUNYAI MAKNA YANG PERLU DIAMALKAN. HANYA ANGGOTA YANG MENGHAYATI, MEMAHAMI DAN MENGAMALKAN IKRAR KESATERIA AKHIRNYA DAPAT MEMBENTUK JATI DIRI YANG CINTA DAN SAYANGKAN DIRI SENDIRI, CINTA SAYANGKAN RAKAN, CINTA DAN SAYANGKAN ORGANISASI SERTA NEGARA

14. JATI DIRI SEORANG ANGGOTA TENTERA DARAT ADALAH IBARAT AKAR TUNJANG SEBATANG POKOK YANG TUMBUH DAN MENJULANG TINGGI. WALAUPUN DILANDA RIBUT DAN TAUFAN, POKOK KEKAL TIDAK TUMBANG KERANA KUAT DAN KUKUHNYA AKAR TUNJANG. BEGITULAH JUGA JIKA JATI DIRI KITA, KUKUH DAN KUAT, WALAU APA PUN CABARAN AKAN DAPAT KITA ATASI. INSYA-ALLAH

15. SAYA MAHUKAN IKRAR KESATERIA DIHAYATI DAN DIJIWAI OLEH WARGA TENTERA DARAT. SEMUA ILMU DAN NILAI KETENTERAAN YANG DIPELAJARI DI PUSAT-PUSAT LATIHAN SEPERTI BARIS PAGI, BARIS SUKAN BARIS SOLAT JUMAAT DAN SEUMPAMANYA HENDAKLAH DIAMALKAN SEPENUHNYA. PENGUATKUASAAN ARAHAN *BACK TO BASIC* INI, MEMERLUKAN SEMUA PEMERINTAH MENGURUS PERUBAHAN INI DENGAN BIJAK DAN MENJADI AGEN PERUBAHAN YANG EFEKTIF. PERTUKARAN DARI ZON SELESA AKAN MENIMBULKAN KEADAAN YANG TIDAK SENANG PADA MULANYA. ADALAH SATU KERUGIAN YANG BESAR SEKIRANYA ILMU YANG DIPELAJARI TIDAK DIMANFAATKAN DAN HANYA DIGUNAKAN BERTUJUAN UNTUK LULUS BERKURSUS SAHAJA. APA YANG DIAJAR, DILATIH DI PUSAT LATIHAN MEMPUNYAI HUBUNG KAIT TUGASAN DAN PERANAN KITA MEMPERTAHANKAN NEGARA. SAYA YAKIN JIKA WARGA TENTERA DARAT

MENGAMALKAN SEPENUHNYA DENGAN SENDIRINYA TENTERA DARAT PASTI LEBIH DIHORMATI, DISEGANI DAN DEKAT DI HATI RAKYAT.

16. **'S'** SINGKATAN YANG KEDUA BERMAKSUD **SISTEM PEMERINTAHAN REJIMENTAL**. BUKANNYA SESUATU YANG ASING BAGI KITA. BUDAYA INI TELAH DIDEBAHKAN SEJAK KITA MULAI MEMASUKI TENTERA. DENGAN MENGAMALKAN SISTEM INI WARGANYA TERTIB, KEMAS, TERATUR, SERAGAM DAN BERDISIPLIN. PATUH KEPADA PERATURAN DAN ADAT RESAM TENTERA ADALAH KUNCI KEJAYAAN KITA DALAM APA JUA TUGASAN YANG DIBERI DI PERINGKAT PASUKAN, FORMASI, NEGERI MAHUPUN PERSEKUTUAN.

17. PEMBENTUKAN KELAKUAN DAN ETIKA WARGA TENTERA DARAT SANGAT PENTING BAGI MENJAMIN KEPATUHAN ARAHAN DAN DISIPLIN. DARI KACA MATA MASYARAKAT TENTERA DARAT GAH DENGAN DISIPLIN, GAH DENGAN TAAT SETIA, DAN GAH DENGAN KESERAGAMAN SERTA MEMPUNYAI NILAI-NILAI MURNI DAN TERPUJI YANG BOLEH DITELADANI DAN DIPERAGAKAN.

18. MASYARAKAT BERLUMBA LUMBA UNTUK MENGEJAR KEMEWAHAN, KESENYANGAN, KEJAYAAN HIDUP TANPA MENGIRA CARA. ARUS PERUBAHAN SEDIKIT SEBANYAK MEMBERI CABARAN KEPADA WARGA TENTERA DARAT MENGEKALKAN ADAT RESAM KETENTERAAN. SEBAGAI SEBAHAGIAN DARI MASYARAKAT WARGA TENTERA DARAT TIDAK TERKECUALI MENGHADAPI FENOMENA INDIVIDUALISTIK DAN MATERIALISTIK. BUDAYA BERHUTANG, BUDAYA *MOON LIGHTING*, BUDAYA JUDI SIBER DAN SEUMPAMANYA JIKA TIDAK DIBENDUNG AKAN MENJADI BARAH DI DALAM ORGANISASI. TRADISI KETENTERAAN YANG TELAH DIAMALKAN SEJAK SEKIAN LAMA DIKHUATIRI AKAN DILUPAI.

19. SISTEM PEMERINTAHAN REJIMENTAL INI AKAN TERUS DI PERKASA BERMULA DENGAN PERWATAKAN DAN PENAMPILAN KETENTERAAN. INI MERANGKUMI KETERAMPILAN INDIVIDU, KETERAMPILAN PASUKAN, PERALATAN DAN FASILITAS.

20. BUDAYA CINTAKAN PAKAIAN SERAGAM AKAN TERUS DITERAP SEAWAL NYA DI PUSAT-PUSAT LATIHAN. PERWATAKAN DAN KEKEMASAN BERUNIFORM PADA SEBILANG MASA MEMBERI IMPAK DAN IMEJ YANG POSITIF. TIDAK KIRA DI MANA KITA BERADA MENJADI TANGGUNGJAWAB SEMUA UNTUK KEMERAMPILAN SEBAGAI WARGA TENTERA DARAT. HORMATILAH DIRI SENDIRI DAHULU SEBELUM BOLEH MENGHARAPKAN ORANG LAIN MENGHORMATI KITA.

21. DALAM NADA YANG SAMA SAYA MENINGATKAN TANGGUNGJAWAB MENJAGA TAHAP KESIHATAN DAN BMI ADALAH TANGGUNGJAWAB INDIVIDU. SETIAP ANGGOTA MESTI BERADA PADA TAHAP KECERGASAN YANG DISASARKAN.

22. DARI SEGI PERKASAAN ASET, KITA BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP SEMUA ASET YANG KITA WARISI BERKEADAAN BAIK, DIPELIHARA DAN BOLEH DIGUNAKAN SEBILANG MASA. ASET INILAH YANG AKAN KITA GUNA SEMASA KECEMASAN. JUSTERU JAGA DAN SAYANGILAH ASET YANG ADA SEPERTI KEPUNYAAN KITA DAN AMALLAH BUDAYA SELENGGARAAN. INSIDEN KENDERAAN TENTERA ROSAK DI LEBUH RAYA TIDAK PATUT BERLAKU JIKA DI SELENGGARA MENGIKUT JADUAL OLEH ANGGOTA YANG TERLATIH.

23. MANAKALA FASILITAS, BANGUNAN DAN PERSEKITARAN KEM PERLUH MEMAPARKAN KEADAAN SEKELILING YANG KEMAS, BERSIH, CERIA DAN POSITIF. KEADAAN INI MENONJOLKAN IMEJ SERTA BUDAYA TENTERA YANG SEBENAR.

24. KEKUATAN TENTERA DARAT DATANGNYA DARI USAHA DAN KERJASAMA BERKUMPULAN. JUSTERU SETIAP LAPISAN ANGGOTA MESTI MENANAM SIFAT KEKITAAN DAN KEPUNYAAN TERHADAP ORGANISASI. PEMIMPIN HENDAKLAH MENGENALI DAN MENGAMBIL TAHU HAL-HAL ANGGOTA SEBILANG MASA SUPAYA **TIADA RUANG UNTUK AMALKAN NAFSI-NAFSI ATAU KAU KAU, AKU AKU.**

25. SAYA YAKIN BUDAYA AMBIL TAHU, INGAT MENINGATI DAN PRIHATIN SESAMA KITA AKAN MENGELAKKAN KITA TERJEBAK DALAM MENYEBAR BERITA TIDAK BENAR MALAH MENJADI PERTAHANAN TERHADAP SINDROM SURAT LAYANG ATAU SEBARAN *VIRAL* YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. MARI SAMA-SAMA KITA JAGA DAN LINDUNGI AIB DAN MARUAH TENTERA DARAT.

26. BAGI MENERUSKAN WARISAN KETENTERAAN, AKTIVITI YANG BERSIFAT REGIMENTAL PERLU DIPERGIATKAN LAGI KE ARAH MEMPERKUKUHKAN *ESPRIT D'CORP* DAN SEMANGAT BERPASUKAN. HUBUNGAN DI ANTARA PEGAWAI DAN LAIN-LAIN PANGKAT PERLU DIPELIHARA. PEGAWAI DAN PTT KANAN SEBAGAI TULANG BELAKANG PERLU MENGGANDAKAN USAHA KE ARAH ITU. BELAJARLAH DARI AKTIVITI YANG DIADAKAN DEMI KESINAMBUNGAN TRADISI. MULAI SEKARANG JADIKAN SISTEM PEMERINTAHAN REGIMENTAL SEBAGAI BUDAYA DAN PANDUAN KEHIDUPAN SEHARIAN.

27. TREND MENGEJAR KEMEWAHAN DAN KESENANGAN MENYEBABKAN BUKAN SAHAJA TUGAS HAKIKI TERABAI MALAH TUMPUAN KEPADA KELUARGA JUGA TURUT TERJEJAS. TENTERA DARAT MERUPAKAN SATU KELUARGA YANG BESAR, YANG TENTUNYA ADA KEKURANGAN, TENTUNYA ADA ISU DAN MASALAH DALAMAN. ISU-ISU RUMAH TANGGA KITA SELESAIKAN SESAMA KITA TANPA PERLU JIRAN ATAU ORANG LAIN MENGETAHUINYA. INILAH TUNTUTAN SEMUA AGAMA. PERANAN BAKAT (BADAN KEBAJIKAN ANGGOTA TENTERA) JUGA AMAT PENTING BAGI MENENTUKAN MORAL DAN KEBAJIKAN ISTERI DAN KELUARGA DIUTAMAKAN. GUNAKAN PLATFORM BAKAT SEBAIK MUNGKIN BERDASARKAN PERANAN HAKIKI UNTUK MEMBANTU PEMERINTAHAN.

28. DALAM MEMBUDAYA DAN MENGAMALKAN SISTEM PEMERINTAHAN REGIMENTAL, ASPEK AGAMA SERTA KEROHANIAN JUGA DIBERI KEUTAMAAN SUPAYA KITA BERJAYA DI DUNIA DAN AKHIRAT. DI SAMPING KEMAS, SEGAK, BERDISIPLIN, SAYA JUGA INGINKAN ANGGOTA YANG BERAKHLAK MULIA, BERTERASKAN IMAN, BERILMU DAN BERTAKWA.

PERINTAH MAJLIS ANGKATAN TENTERA BILANGAN 9 TAHUN 1991 MASIH LAGI RELEVAN DAN MASIH BERKUAT KUASA. JUSTERU SEMUA PERINGKAT PEMERINTAHAN BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA MELAKSANAKAN DASAR PEMBINAAN MENTAL DAN KEROHANIAN ISLAM SEPERTI YANG DIARAH. BAGI ANGGOTA YANG BUKAN ISLAM ANDA PERLU JUGA MENGIKUT PANDUAN KEPERCAYAAN DAN AKTIVITI AGAMA MASING-MASING.

DATO'-DATO', DAN SAUDARA SAUDARI SEKALIAN,

29. SINGKATAN SETERUSNYA ADALAH **A - ADAPTASI**. TENTERA DARAT SEBAGAI BENTENG PERTAHANAN NEGARA TIDAK BOLEH HANYA BERADA DI DALAM KEPOMONGNYA SENDIRI DAN MESTI SENTIASA HIDUP, SENANTIASA PEKA DAN BERGERAK MENGIKUT PEREDARAN SEMASA. PERUBAHAN TEKNOLOGI AKAN MELIBATKAN PERUBAHAN DOKTRIN DAN STRUKTUR. SEMUA WARGA PERLU BIJAK MENYESUAIKAN DIRI, BOLEH MENGADAPTASI, FLEKSIBEL, SERTA BERSEDIA MENGHADAPI APA SAHAJA ANCAMAN. DI SINI PENTINGNYA ASPEK KEPIMPINAN YANG MAMPU MENGGUNAKAN KEBIJAKSANAAN MENGADUN ELEMEN MANUSIA, PERALATAN DAN METODE (*MAN, MACHINE, AND METHODE*)

30. MENJAYAKAN WADAH ADAPTASI BERKAIT RAPAT DENGAN ILMU DAN KEMAHIRAN. ILMU SENTIASA BERKEMBANG DAN MELALUI PROSES LAPUK DAN USANG. UNTUK KEKAL RELEVAN KITA MESTI MEMPERLENGKAP DENGAN ILMU-ILMU TERKINI BUKAN TERBATAS KEPADA ILMU PEPERANGAN. BEGITU JUGA DALAM BIDANG KEMAHIRAN, PELBAGAI KEMAHIRAN YANG DIPERLUKAN BERSEBUAH DENGAN KEPERLUAN TERKINI MESTI DIPELAJARI DAN DIKUASAI. SAYA MENGALU-ALUKAN IDEA-IDEA BARU DARI WARGA TENTERA DARAT.

31. DALAM KONTEKS PEMERINTAHAN, SAYA MEMANDANG SERIUS TERHADAP MENEPATI TEMPUH MASA DAN WAKTU. TIDAK PATUHAN MASA AKAN MENYEBABKAN TIMBUL BERBAGAI MASALAH MENDATANG. KEGAGALAN MEMATUHI DAN MENGHORMATI MASA SEBENARNYA MELIBATKAN SOAL SIKAP, SOAL AMANAH, SOAL KEJUJURAN, SOAL

KECEKAPAN, SOAL TATACARA PENGURUSAN DAN SOAL IMEJ. SEBAGAI ORGANISASI YANG BERTANGGUNGJAWAB, TENTERA DARAT MESTI MEMPAMERKAN IMEJ YANG POSITIF DAN NILAI-NILAI MURNI YANG SEPATUTNYA DITELADANI DAN DICONTOHI MASYARAKAT. KITA MESTI BIJAK MEMBAHAGIKAN MASA UNTUK DIRI SENDIRI, KELUARGA, ORGANISASI, MASYARAKAT DAN KEPADA TUHAN KERANA MASA YANG BERLALU ADALAH SEJARAH DAN TIDAK DAPAT LAGI DIBELI DENGAN WANG RINGGIT.

32. DALAM ASPEK PENGURUSAN, SAYA MENUNTUT AGAR PENGURUSAN DI LAKSANA DENGAN CEKAP, BERINTEGRITI, AMANAH, PRAKTIKAL DAN TELUS MELALUI PELAN INTEGRITI TENTERA DARAT.

33. SAYA JUGA MAHUKAN PROSEDUR DAN PERINTAH TETAP DIKEMAS KINI DAN SENANTIASA RELEVAN TERMASUK LAPORAN KEROSAKAN, LAPORAN KECACATAN DAN LAPORAN KEROSAKAN BEREK. SEMUA PELANGGARAN DAN TIDAK PEMATUHAN ARAHAN PERLU DIAMBIL TINDAKAN MENGIKUT PROSEDUR. SITUASI INI KADANG-KADANG MEMPUNYAI ELEMEN KEBAJIKAN WALAUPUN SAH BENAR KETIDAKPATUHAN ATAUPUN KESALAHAN TELAH BERLAKU. ADA SIFAT KASIHAN, TOLAK ANSUR DAN BUDI BICARA DI KALANGAN WARGA, NAMUN TIDAK PATUHAN MENGAMBIL TINDAKAN SEBENARNYA MEMBERI KESAN NEGATIF KEPADA TENTERA DARAT. YANG SALAH PERLU DIAMBIL TINDAKAN. INI MERUPAKAN TINDAKAN PENCEGAHAN.

DATO'-DATO', SAUDARA SAUDARI SEKALIAN,

34. **S – SIAP SIAGA** SINGKATAN TERAKHIR. KEADAAN INI MEMERLUKAN WARGANYA SENANTIASA MEMPUNYAI *MINDSET* KE ARAH MELAKSANAKAN TUGAS YANG DIBERI MEMPERTAHANKAN NEGARA DENGAN JAYANYA. MASING-MASING MEMPUNYAI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BAGI MENGHADAPI SEBARANG ANCAMAN TERMASUK MEMBANTU PIHAK BERKUASA AWAM.

35. TUGAS TENTERA DARAT SEMASA AMAN ADALAH BERLATIH. SELAIN DARI LATIHAN TRADISIONAL, ANCAMAN BUKAN TRADISI SEPERTI KEGANASAN DAN *TERRORISMA* MEMPENGARUHI SISTEM DAN CORAK LATIHAN KITA. JUSTERU, SISTEM DAN CORAK LATIHAN YANG LEBIH KREATIF, TERKINI, SERTA INOVATIF PERLU DIGUBAL.

36. BAGI MENGETAHUI STATUS SEMASA TENTERA DARAT, SEMUA FORMASI AKAN DIUJI MENGIKUT DIREKTIF LATIHAN YANG DIKELUARKAN. SETIAP PEMERINTAH BERTANGGUNGJAWAB MENENTUKAN WARGA MEREKA TERLATIH MENGIKUT KITARAN 24 BULAN DAN MENCAPAI TAHAP KESIAGAAN YANG DILAPORKAN. KEUTAMAAN TENTERA DARAT ADALAH LATIHAN KERANA ITU ADALAH KEBAJIKAN. SAYA TIDAK AKAN KOMPROMI JIKA ANGGOTA TIDAK DILATIH.

37. OLEH ITU LATIHAN MEDAN PERINGKAT BRIGED TERMASUK ELEMEN LOGISTIK DI KEDUA DUA PEMERINTAHAN MEDAN AKAN DILAKSANAKAN PADA TAHUN HADAPAN SEBAGAI SALAH SATU AKTIVITI UTAMA SAMBUTAN HARI TENTERA DARAT. SATU KETIKA DAHULU TENTERA DARAT TERKENAL DENGAN KEPAKARAN DAN KEJAYAAN DALAM PEPERANGAN MELAWAN INSURGensi, PERSOALAN SAYA ADAKAH KITA MASIH LAGI KEKAL DI TAHAP YANG TELAH DIKTIRAF ITU? TIADA JALAN PENDEK UNTUK BERJAYA HANYA DENGAN LATIHAN, DAN LATIHAN, DAN LATIHAN.

38. SEIRING DENGAN KEPERLUAN DAN TUNTUTAN SEMASA, PANDUAN STRATEGIK TENTERA DARAT **ARMY 2 10 + 10** AKAN DIGANTI DENGAN **ARMY 4 NEXT G**. PLAN INI MENJURUS MELENGKAPKAN KETUMBUKAN TENTERA DARAT DI SEMENANJUNG, SABAH DAN SARAWAK. PELAN INI PERLULAH DIMONITOR DAN DIKEMAS KINI, SEMUA WARGA TENTERA DARAT PERLU DIDEHAHKAN DENGAN PELAN INI.

39. BAGI KEPERLUAN SIAP SIAGA DAN PERSIAPAN TEMPUR FORMASI, PENDEKATAN **G PLAN** YANG DIPERKENALKAN SEJAK OGOS 2011 AKAN TERUS MENJADI PANDUAN UTAMA. DENGAN PERUNTUKAN KEWANGAN YANG TERHAD, PENDEKATAN INI NYATA TELAH MEMBUAHKAN HASIL. MISI

DAN TUGASAN TENTERA DARAT TIDAK TERJEJAS APABILA KEPERLUAN MINIMUM SETIAP FORMASI DIBERI KEUTAMAAN. CABARANNYA ADALAH MENGUBAH CARA PENGURUSAN LAMA KEPADA PENDEKATAN **G PLAN**. MULAI PENGGAL KEEMPAT 2018, PRESTASI PEGAWAI MEMERINTAH DAN KE ATAS AKAN DIUKUR SECARA OBJEKTIF. SATU GARIS PANDUAN AKAN DIKELUARKAN MEMBUDAYAKAN KONSEP PENGUKURAN INI.

40. BAGI KESELESAAN DAN KESEJAHTERAAN WARGA TENTERA DARAT **Q PLAN** AKAN DIGUNA PAKAI SEPENUHNYA. SEPERTI **G PLAN** SEMUA PEMERINTAH PERLU PEKA DENGAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAANNYA. WALAUPUN PERUNTUKAN KEWANGAN TIDAK MENCUKUPI. TENTERA DARAT AKAN SENANTIASA FOKUS KEPADA PENAMBAHBAIKAN KUALITI HIDUP WARGANYA MERANGKUMI KESELESAAN KEM-KEM SERTA SENGGARAAN DAN BAIK PULIH BANGUNAN TEKNIKAL TERMASUK PENYEDIAAN RUMAH KELUARGA ANGKATAN TENTERA (RKAT).

41. KEBAJIKAN WARGA KELUARGA DAN VETERAN DITITIKBERATKAN DAN AKAN DIBERI PERHATIAN SEJAJAR DENGAN PELAN STRATEGI KEMENTERIAN DAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA TERMASUK PENJAGAAN KESIHATAN, ASPEK PENGURUSAN KEWANGAN, PENDIDIKAN DAN SEBAGAINYA.

42. SELAIN **G DAN Q PLAN**, TENTERA DARAT MENGGUNA PAKAI ALAT PENGURUSAN LAIN SEPERTI *SITUATIONAL FORCES SCORING (SFS)*, *BALANCE SCORE CARD*, *MALAYSIAN ARMY STANDARD (MASt)*, SERTA SISTEM *STAR RATING (SSR)*. PENGGUNAAN ALAT PENGURUSAN INI TELAH PUN DIUJI DAN TERBUKTI MENGHASILKAN KESAN POSITIF. PUN BEGITU SAYA MENGALU-ALUKAN IDEA PENDEKATAN BARU.

DATO'-DATO', SAUDARA SAUDARI SEKALIAN,

43. APA YANG SAYA ARAHKAN BUKAN SESUATU YANG SAYA REKA, IA BERUPA PERINGATAN TERHADAP PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KITA, SUPAYA KITA TIDAK LEKA ATAU *COMPLACENT*. BUKAN SETIAP HARI KITA AKAN BERNASIB BAIK DAN TERLEPAS DARI KEALPAAN. AKRONIM **ASAS** YANG SAYA UAR-UARKAN BUKANLAH RETORIK, BUKAN ANGAN-ANGAN KOSONG MALAH ADALAH SATU KENYATAAN DAN KEBENARAN. TANPA ASAS KITA AKAN SUKAR MENCAPAI HASRAT PANGLIMA ANGKATAN TENTERA.

44. **ASAS** UMPAMA RENCAH DAN GARAM DI DALAM MASAKAN. ANDAI KATA ADA SATU BAHAN YANG KURANG MAKA HILANGLAH KEENAKAN MASAKAN TERSEBUT. SEMUA PERINGKAT PEMERINTAHAN BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEREALISASIKAN **ASAS**. MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENGGEMBLENG USAHA, MEMBULATKAN TEKAD, MENGGANDAKAN KUDRAT, UNTUK SAMA-SAMA MEMELIHARA MARTABAT TENTERA DARAT. BERHADAPAN KEKURANGAN PERUNTUKAN BUKAN ALASAN UNTUK KITA TIDAK MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN CEMERLANG. SELAGI TERDAYA, KEWIBAWAAN DAN IMEJ TENTERA DARAT TETAP KITA PELIHARA. DIREKTIF TERKINI PANGLIMA TENTERA DARAT BOLEH DIJADIKAN RUJUKAN.


45. SEBELUM MENGAKHIRI, SAYA MENGAJAK SAUDARA DAN SAUDARI BERSAMA-SAMA MELAFAZKAN IKRAR TAAT SETIA YANG TIDAK BERBELAH BAHAGI KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG SELAKU PEMERINTAH TERTINGGI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA UNTUK SAMA-SAMA MENJUNJUNG PERINTAH SERTA MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN JUJUR DAN IKHLAS.

46. SELAMAT MENJALANKAN TUGAS DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB DAN KOMITED. TUGAS MEMPERTAHANKAN NEGARA MEMERLUKAN KITA SEMUA FOKUS MEMPERBAIKI DIRI, GIAT BERLATIH UNTUK KEKAL SIAGA, TIADA RUANG UNTUK KITA BERANGAN ANGAN, TIADA RUANG UNTUK KITA

MOONLIGHTING DAN BERNIAGA, TIADA RUANG UNTUK KITA GADAIKAN MARUAH DAN INTEGRITI. AYUH LANGKAH BERSAMA SAYA, BERTEKAD MELAKSANAKAN AMANAH YANG DIBERI SEBAIK MUNGKIN DAN TIDAK MENKHIANATI IKRAR KESATERIA KITA.

SEKIAN, WABILLAHHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

GAGAH SETIA

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'H. Hasbullah', written in a cursive style.

**JENERAL DATO' SERI PANGLIMA HJ AHMAD HASBULLAH BIN HJ MOHD NAWAWI
PANGLIMA TENTERA DARAT KE-27**